

# UNIMAS gondol dua gelaran juara Simposium Kejuruteraan Kimia Kebangsaan

**KOTA SAMARAHAN:** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengharumkan nama Sarawak apabila pasukan daripada Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Tenaga Lestari, Fakulti Kejuruteraan menggondol dua gelaran juara di Simposium Kejuruteraan Kimia Kebangsaan (NACES) yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, dari 14-16 Disember 2012.

Pasukan itu disertai 13 peserta yang terdiri daripada pelajar tahun akhir dan tahun ketiga dan kedua.

Pasukan ini diketuai pensyarah Dr Shanti Faridah Salleh dan Ibrahim Yakub.

Pasukan UNIMAS telah menyertai semua kategori dipertandingkan seperti kategori individu (Pidato Bahasa Melayu dan Penulisan Esei Teknikal) yang dimenangi Fiouna Dok Wan manakala Penulisan Esei Teknikal disertai Deviana Pani dan Mohd Iqmal.

Esei 'Perubahan Iklim: Pembinaan Semula Masa Depan Lebih Baik' ditulis Mohd Iqmal tersenarai dalam kedudukan 10 teratas.

Reka Bentuk Loji Teknikal, Kajian Kes Teknikal, Pembentangan Teknikal Secara Power Point dan Pembentangan Video Teknikal merupakan pertandingan kategori berkumpulan.

Bagi Reka Bentuk Loji Teknikal pasukan UNIMAS dianggotai empat pelajar iaitu Low Ken Giap, Kam Yat Seng, Tan Sung Ping dan Ling How Kui muncul juara menerusi ciptaan mereka iaitu loji tenaga menggunakan etanol daripada batang pokok pisang.

Pasukan itu menyebabkan para juri terpegun dengan kreativiti dan kemampuan mereka mereka cipta dengan mengambil kira kebolehlaksanaan, alam sekitar, keselamatan dan sosioekonomi yang mengatasi pasukan daripada Universiti Sains Malaysia (di tempat kedua) dan Universiti Teknologi Malaysia (tempat ketiga).

Josephine Lai Chang Hui (Kumpulan 1), Khadijah Hajeon (Kumpulan 8) dan Tiara Afira Julaihi (Kumpulan 4) menyertai pertandingan Kajian Kes Teknikal Dalam Kumpulan Berbeza.

Kumpulan 1 menjadi juara

menerusi idea menggunakan serat untuk menghasilkan kertas tidak luntur.

Fiouna Dok Wan, Sherena Sar-ee dan Mohd Iqmal pula berjaya menduduki kedudukan keenam daripada 20 kumpulan terlibat.

Manakala bagi Persembahan Video Teknikal disertai Nur Syakina Jamali dan Chang Wei Long sebagai satu kumpulan.

Kedua-dua kategori itu perlu mencipta slaid Power Point dan Video yang meliputi pencegahan perubahan iklim dengan mengambil kira aspek kesihatan, keselamatan, alam sekitar, ekonomi, fasiliti dan kebimbangan orang ramai.

Pada majlis penutupan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Alumni) UKM Profesor Dr Othman A Karim menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang.

Seramai kira-kira 300 peserta daripada 17 institusi pengajian tinggi Malaysia, Indonesia, Thailand dan Singapura mengambil bahagian dalam simposium selama tiga hari itu.

NACES 2013 akan diadakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang.



**HEBAT:** Antara kumpulan daripada UNIMAS yang menjuarai kategori yang disertai pada Simposium Kejuruteraan Kimia Kebangsaan (NACES) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, baru-baru ini.